

BANYAK MANFAAT PENGUATKUASAAN PKP UNTUK RAKYAT

Oleh: Nursyazwani binti Shamsul Khair, 1171231

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 7 April 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disambut dengan pelbagai reaksi oleh rakyat. Ada yang menyambut baik penguatkuasaan PKP mulai 18 Mac lalu. Tidak kurang juga yang mengeluh.

Setakat ini, PKP yang bertujuan mengekang penularan pandemik COVID-19 di negara ini dijadualkan berakhir pada 14 April 2020. Sama ada tempoh sedia ada dilanjutkan atau sebaliknya, ia bergantung kepada pertimbangan kerajaan.

Tindakan tersebut terpaksa diambil demi menjaga keselamatan rakyat Malaysia agar terhindar daripada COVID-19. Namun, masih ada segelintir rakyat Malaysia yang melanggar arahan pihak berkuasa dengan alasan yang tidak munasabah.

Memang ramai yang tertekan kerana terpaksa berkurung di dalam rumah dan tidak dapat melakukan aktiviti di luar rumah seperti biasa. Kehidupan sosial seperti berjumpa rakan-rakan dan makan bersama keluarga di restoran terpaksa dilupakan untuk sementara waktu.

Di sebalik rungutan yang timbul, pelaksanaan PKP sebenarnya mempunyai manfaat dari segi hubungan kekeluargaan. Jika sebelum ini, hanya ibu atau isteri yang mengemas dan membersihkan rumah, tugas itu kini boleh dikongsi bersama dengan anak-anak dan suami.

Ahli-ahli keluarga boleh bergotong-royong melakukan tugas di rumah dan mempamerkan kreativiti masing-masing untuk menjadikan rumah kelihatan kemas, bersih dan selesa sepanjang tempoh PKP.

Jika sebelum ini kita sering berbelanja besar dan membeli barangan yang tidak diperlukan, PKP melatih kita agar lebih berjimat. Hanya seorang ahli keluarga yang dibenarkan keluar rumah. Jadi, kurang desakan daripada ahli-ahli keluarga yang lain untuk membeli barangan yang tidak penting.

Ahli-ahli keluarga tanpa mengira lelaki atau wanita boleh mengasah bakat memasak memandangkan mereka lebih kerap makan di rumah. Walaupun perkhidmatan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi, sudah tentu kosnya lebih tinggi berbanding memasak sendiri di rumah.

Mereka boleh memasak secara bergilir-gilir setiap hari. Jika sudah bosan dengan menu yang sama, terdapat banyak resipi baharu yang boleh dicuba. Semuanya boleh didapati dengan mudah dalam internet.

Penguatkuasaan PKP juga melatih rakyat Malaysia agar lebih bersabar ketika berdepan musibah yang melanda. Jika selama ini kita sering terburu-buru dalam kehidupan, kini kita diberikan banyak masa untuk menenangkan diri serta berehat di rumah dan mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Mungkin ramai dalam kalangan kita yang sebelum pandemik COVID-19 tercetus berharap agar diberi lebih banyak masa untuk bersama keluarga dan berehat di rumah. Setelah harapan itu dimakbulkan oleh Allah SWT, wajarlah kita menikmati sepuas-puasnya.

Cuma, kita perlu bersedia untuk menjalani kehidupan seperti biasa semula setelah pandemik COVID-19 berjaya ditewaskan dan tempoh PKP ditamatkan. Buat masa ini, manfaatkanlah PKP dengan melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah bersama keluarga.



